

MERANTAU : POLA MIGRASI IMIGRAN INDONESIA
KETURUNAN MINANGKABAU KE MALAYSIA

MIR AZRI BIN SHAHARUDIN

JABATAN PERSURATAN MELAYU
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

BANGI

1996

**MERANTAU : POLA MIGRASI IMIGRAN INDONESIA
KETURUNAN MINANGKABAU KE MALAYSIA**

MIR AZRI BIN SHAHARUDIN

**JABATAN PERSURATAN MELAYU
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI
1996**



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

JABATAN PERSURATAN MELAYU

**MERANTAU: POLA MIGRASI IMIGRAN INDONESIA
KETURUNAN MINANGKABAU KE MALAYSIA**

oleh

MIR AZRI B. SHAHARUDIN

Latihan Ilmiah ini telah diterima oleh Jabatan Persuratan Melayu untuk memenuhi sebahagian keperluan Ijazah Sarjanamuda Sastera (dengan kepujian) pada sesi

Penyella

Tarikh

Ketua
Jabatan Persuratan Melayu

Tarikh

MERANTAU: POLA MIGRASI IMIGRAN INDONESIA KETURUNAN
MINANGKABAU KE MALAYSIA

MIR AZRI BIN SHAHARUDIN

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA MUDA DENGAN KEPUJIAN

JABATAN PERSURATAN MELAYU
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

1996

PENGAKUAN

Saya akui ini adalah hasil kerja saya sendiri
kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap
satunya telah saya jelaskan sumbernya.

24.5.96.

TARIKH



MIR AZRI SHAHARUDIN

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah tuhan semesta alam. Selamat dan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w, keluarga serta para sahabat baginda. Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat ilahi kerana atas kehendak dan keizinanNya dapat saya menyempurnakan latihan ilmiah ini dengan sewajarnya.

Menerusi ruangan yang terbatas ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada En.Lokman Zen, yang banyak memberi nasihat dan tunjuk ajar yang tidak ternilai dalam membantu menyiapkan latihan ilmiah ini.

Kesempatan ini juga saya mengucapkan jutaan terima kasih khususnya kepada responden-responden yang telah memberikan pandangan, maklumat dan bahan-bahan kajian untuk menjayakan penyelenggaraan latihan ilmiah ini.

Akhirnya penghargaan ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan As, Manaf, Gee, Waha dan semua rakan-rakan sesi 1992-1996. Jasa baik dan suka duka yang kita alami akan tetap dalam kenangan. Semoga Allah s.w.t membalas jasa dan pengorbanan yang telah kalian curahkan.

Wasalam.

Mir Azri b. Shaharudin,
Jabatan Persuratan Melayu,
Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan,
UKM,
Bangi,
Selangor Darul Ehsan.

ABSTRAK

Merantau merupakan salah satu daripada tradisi masyarakat Minangkabau di Sumatera. Malah, ianya dianggap sebagai suatu budaya yang perlu diamalkan dalam masyarakat Minangkabau. Sebagai suatu budaya yang terus-menerus diamalkan, ianya telah jauh berakar umbi dalam masyarakat Minangkabau. Sudah berabad-abad lamanya masyarakat Minangkabau melakukan kegiatan merantau sehinggalah abad yang ke 20 ini, khususnya ke Malaysia. Justeru itu, untuk mendapatkan maklumat yang mendalam mengenai kegiatan merantau ini, kajian telah dibuat dengan melihat aspek-aspek penting, antaranya latar belakang masyarakat Minangkabau di Sumatera, sejarah awalnya merantau ke Malaysia, sebab-sebab merantau dan kehidupan para-perantau di Malaysia. Akhir sekali pengkaji akan membuat rumusan terhadap kegiatan merantau di kalangan masyarakat Minangkabau. Pengkaji telah mendapatkan cerita-cerita lisan daripada beberapa orang informan bagi mendapatkan gambaran mengenai pengalaman mereka semasa merantau ke Malaysia. Secara keseluruhannya, berdasarkan sumber-sumber dan cerita-cerita lisan, menunjukkan bahawa merantau di kalangan masyarakat Minangkabau tetap terus berlaku pada akhir abad ke 20 ini. Merantau adalah suatu fenomena sosial yang tidak dapat dipisahkan dengan masyarakat Minangkabau. Malah, merantau merupakan jalan terbaik bagi mencapai kemajuan diri bagi individu yang berketurunan Minangkabau.

Isi Kandungan

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ISI KANDUNGAN	v
SENARAI PETA	viii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI SINGKATAN	ix
PENGENALAN	x

BAB 1 LATAR BELAKANG MASYARAKAT MINANGKABAU

1.1 Asal Usul Minangkabau	1
1.2 Kedudukan negeri Minangkabau	2
1.3 Struktur Sosial di Minangkabau	7
1.3.1 Aspek Pemerintahan	7
1.3.2 Suku dan keluarga dalam masyarakat Minangkabau	9
1.3.3 Mamak dan kemenakan	13
1.3.4 Alim Ulama	19
1.3.5 Kegiatan ekonomi masyarakat Minangkabau	22
1.4 Kesimpulan	24

BAB 2 SEJARAH KEDATANGAN ORANG-ORANG MINANGKABAU KE MALAYSIA

2.1 Sejarah Merantau Orang-Orang Minangkabau	25
2.2 Perkembangan Melaka Sebagai Pusat Perdagangan	26

2.3 Kedatangan Raja Melewar ke Negeri Sembilan	30
2.4 Perkembangan Kekuasaan di Luar Daerah Asal	32
2.5 Kedatangan Orang-Orang Minangkabau Pada Abad ke 19 dan 20	35
2.6 Kesimpulan	44
 BAB 3 SEBAB-SEBAB ORANG-ORANG MINANGKABAU MERANTAU	
3.1 Pendahuluan	45
3.2 Faktor Kedudukan Sumatera Barat yang Jauh Dari Laluan Perdagangan	46
3.3 Faktor Ekonomi	48
3.4 Faktor Sosial	52
3.5 Faktor Politik	57
3.6 Tarikan hidup di Tanah Melayu	62
3.7 Kesimpulan	65
 BAB 4 KEHIDUPAN ORANG-ORANG MINANGKABAU DI MALAYSIA	
4.1 Pengenalan	66
4.2 Bila Merantau ke Malaysia	67
4.3 Jenis Pekerjaan	69
4.4 Proses Penyesuaian di Malaysia	73
4.5 Status Perkahwinan Para-Perantau	76
4.6 Hubungan dengan Kampung	79
4.7 Kesimpulan	83

BAB 5 KESIMPULAN

84

RUJUKAN

GLOSARI

SENARAI RESPONDEN

SENARAI PETA

1. Peta Sumatera Barat	4
2. Peta Minangkabau dan Rantau	5

SENARAI JADUAL

1. Penyebaran Orang Sumatera di Malaya 1931-1947	39
2. Imigran Indonesia Yang Tiba Pertama Kali di Malaya	40
3. Jumlah Orang Indonesia Mengikut Etnis di Malaya 1911-1947	41

SENARAI SINGKATAN

JMBRAS Journal of Malaya Branch Royal Asiatic Society

SSF Selangor State Files.

PENGENALAN

(i). Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat fenomena merantau yang wujud di kalangan masyarakat Minangkabau ke Malaysia. Merantau adalah suatu ciri yang penting dalam masyarakat Minangkabau. Namun begitu belum ada kajian yang menyeluruh tentang aspek kehidupan masyarakat Minangkabau terutamanya tentang aspek merantau. Justeru itu, perlunya satu kajian yang mendalam tentang merantau bagi mencari sebab akibat berlakunya kegiatan merantau di kalangan orang-orang minangkabau khususnya di Malaysia.

Memang diakui bahawa migrasi penduduk keturunan Indonesia ke Malaysia tetap terus berlaku sehingga sekarang. Gerakan perpindahan penduduk keturunan Indonesia tetap terus berlaku semenjak turun temurun lagi. Orang Minangkabau termasuk di dalam kelompok yang banyak bergerak terutama sekali ke Malaysia.

Keadaan ini menimbulkan persoalan mengenai kegiatan merantau yang sudah jauh berakar umbi dalam masyarakat Minangkabau. Justeru itu, pengertian dan memahami mengenai tradisi merantau amatlah perlu bagi mencari jawapan mengenai kegiatan tersebut.

Apatah lagi dengan tradisi merantau itu yang di anggap sangat istimewa dalam masyarakat Minangkabau. Sesungguhnya, kajian mengenai merantau ini akan cuba mengenali tradisi merantau itu dengan lebih mendalam lagi.

(ii). Kepentingan Kajian.

Kepentingan kajian ini terletak kepada hakikat bahawa selama ini, sepanjang pengetahuan penulis, merantau khususnya ke Malaysia, tidak mendapat perhatian yang secukupnya daripada para-pengkaji. Seminar tentang sejarah dan kebudayaan Minangkabau yang dilaksanakan di Batu Sangkar (bekas pusat kerajaan Pagarruyung) di tahun 1970, menyimpulkan bahawa pengkajian yang mendalam tentang merantau yang sifatnya lebih sistematik perlunya diadakan bagi mencari sebab akibat dari gejala ini.¹

Adalah dipercayai bahawa kajian serupa ini akan menimbulkan semula perhatian dan kesedaran tentang tradisi merantau yang merupakan budaya yang cukup terkenal di kalangan masyarakat Minangkabau.

Seterusnya, kajian ini akan dapat mengenali budaya merantau yang telah wujud sejak turun-temurun sehingga diwarisi oleh masyarakat Minangkabau sehingga ke hari ini. Adalah menjadi harapan, bahawa tafsiran terhadap merantau di kalangan masyarakat Minangkabau akan membolehkan kita mengenali lebih dekat lagi akan istilah merantau itu sendiri.

¹ Lihat kumpulan Hasil-Hasil Seminar, Himpunan Prasaran dan Kertas Kerja Seminar Sejarah dan Kebudayaan, Jilid 5, disusun oleh Panitia Seminar Sejarah dan Kebudayaan Minangkabau, Padang, 1970.

(iii) Metodologi Kajian.

Pengkaji akan mengeksplikasikan melalui kajian perpustakaan, temubual dan juga pemerhatian ikut serta. Sebagai langkah awal, pengkaji akan mendapatkan sumber dan bahan bertulis yang terdapat di Perpustakaan. Segala maklumat bertulis yang berkaitan dengan kajian cukup penting sebelum turun ke lapangan. Antaranya ialah dari segi definasi, skop kajian, sebab-sebab merantau dan kaedah penyelidikan.

Kaedah temubual dan wawancara turut digunakan bagi tujuan memperolehi maklumat terperinci ini daripada sumber utama. Pengkaji akan menemui beberapa orang perantau dari Sumatera yang telah menetap di Malaysia. Lantaran itu, kajian ini menggunakan sumber lisan sebagai bahan kajian. Walaupun fakta yang diperolehi nanti berbentuk tulisan, namun pengkaji berpendapat sumber ini masih penting. Prof. Khoo Kay Kim mengatakan ;

...beberapa aspek sejarah kita yang tidak didokumenkan.
Maka sewajarnya, kita perlu bergantung kepada bahan-bahan lisan².

Kewajaran untuk menggunakan bahan lisan kemungkinan boleh dipersoalkan.³

Namun begitu, untuk memperolehi bahan-bahan penting yang tidak terdapat dalam mana-mana rekod atau kajian lepas, bahan lisan adalah jalan keluar bagi menjayakan kajian ini.

² Khoo Kay Kim, *Sejarah Tempatan, Penyelidikan*, Bil 1. Oktober 1972, hlm., 104.

³ Untuk melihat kelemahan penggunaan bahan lisan sila rujuk Mohd Amin Hasan, *Tradis Lisan, Sejarah Lisan : Dalam usaha Mengkaji Sejarah Lisan Tanahair Kita*, Mohd Taib Osman, (Peny), *Tradisi Lisan di Malaysia*, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, 1975, hlm., 167-168.

Manakala bahan-bahan sejarah pula ialah satu cara untuk menambahkan bahan-bahan selain dari rekod-rekod bertulis.

Maklumat yang diperolehi dari responden-responden adalah penting kerana mereka merupakan golongan yang benar-benar terlibat dalam aktiviti merantau. Maklumat yang diperolehi adalah hasil pengalaman serta penglibatan mereka semasa mereka merantau ke Malaysia.

(iv) Masalah Kajian.

Dalam usaha menyelenggarakan latihan ilmiah ini, pengkaji menghadapi pelbagai masalah. Masalah yang terbesar ialah kekurangan bahab-bahan atau yang dapat dijadikan bahan kajian. Kajian mengenai merantau terutamanya di kalangan masyarakat Minangkabau adalah terlalu kurang. Ketiadaan kajian-kajian yang terdahulu khususnya dalam bidang ini, sedikit sebanyak mendatangkan kesan yang negatif kepada kajian yang diusahakan oleh pengkaji.

Sebagai jalan keluar, penulis menggunakan teknik wawancara atau temubual beberapa orang perantau keturunan Minangkabau yang telah mengalami dan mengharungi proses merantau ke Malaysia. Kebanyakan daripada mereka berumur dua puluhan hingga enampuluhan. Namun begitu, ada di antara para-perantau yang berketurunan Minangkabau tidak dapat mengingat dengan jelas mereka mula sampai ke Malaysia. Keadaan ini adalah

disbabkan oleh faktor umur yang terlalu muda semasa merantau ke Malaysia iaitu antara dua hingga sepuluh tahun. Ada juga di antara para-perantau yang tidak mahu ditemubual dan memberi maklumat kerana bimbang fakta yang diberikan nanti akan memberi kesan yang negatif terhadap masyarakat Minangkabau itu sendiri.

Justeru itu, hanyalah golongan perantau yang berumur antara tiga puluhan hingga enampuluhan yang sanggup memberikan maklumat berkenaan dengan tradisi merantau dan menceritakan pengalaman diri mereka kepada pengkaji. Keadaan ini adalah disebabkan oleh nostalgia lama oleh mereka yang berumur enampuluhan untuk dikongsi bersama oleh pengkaji. Tambahan pula para-perantau tersebut merasa gembira dan seronok tinggal di Malaysia.

Walaupun pengkaji menghadapi masalah seperti yang telah disebutkan di atas, pengkaji tetap berusaha menyiapkan latihan ilmiah ini. Adalah diharapkan kajian ini akan dapat memberikan sedikit sebanyak sumbangan terutama sekali dalam kajian berkenaan dengan proses kedatangan orang-orang Indonesia keturunan Minangkabau ke Malaysia.

(iv) Definasi Merantau

Merantau adalah istilah Melayu, Indonesia dan Minangkabau yang sama dengan pemakaian dengan kata akar “rantau” .⁴ Rantau menurut Winstedt⁵, Iskandar,⁶ dan

⁴ Mochtar Naim, Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau, Gadjah Mada University Press, Yogyakarta, 1984, hlm. 2.

⁵ R.O. Winstedt, Kamus Bahasa Melayu, Singapore, 1960, dibawah kata “rantau”.

⁶ Teuku Iskandar, Kamus Dewan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1970, hlm. 931.

Purwadarminta⁷ ialah kata benda yang bererti dataran rendah atau daerah aliran sungai, jadi biasanya terletak dekat ke atau bahagian dari daerah pesisir.⁸ Merantau ialah kata kerja yang berawalan "me" yang bererti pergi ke rantau.⁹

Istilah merantau dari segi sosiologi mengandungi 6 unsur pokok iaitu¹⁰:

1. Meninggalkan kampung halaman.
2. Dengan kemahuan sendiri.
3. Untuk jangka waktu lama atau tidak.
4. Dengan tujuan mencari penghidupan, menuntut ilmu atau mencari pengalaman.
5. Biasanya dengan maksud kembali pulang.
6. Merantau ialah lembaga sosial yang membudaya.

Pada awalnya, merantau adalah dianggap hanya meninggalkan kampung halaman sahaja. Keadaan ini boleh dilihat melalui percakapan yang bermaksud pergi ke kota yang dekat sahaja.¹¹ Pada masa itu, wilayah Minangkabau hanyalah terbatas kepada Luhak nan Tigo, pergi ke pantai timur atau ke pantai barat sudah dianggap merantau.¹²

Namun begitu, Sumatera Barat, dari sudut politik dan budayanya telah menjadi satu wilayah dan penduduknya tidak lagi menganggap dirinya terbahagi kepada sub-kelompok. Justeru itu, sudah menjadi kebiasaan "kata merantau" digunakan untuk pergi ke luar Sumatera.¹³

⁷ W. J. S Purwadarminta, Kamus Umum Bahasa Indonesia, Balai Pustaka, Jakarta, 1966, Bhg. II, hlm., 125.

⁸ Mochtar Naim, Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau, hlm., 2.

⁹ Ibid.

¹⁰ Ibid, hlm., 3.

¹¹ Ibid.

¹² Ibid.

¹³ Ibid.

Malah merantau adalah dianggap sebagai satu sifat yang sudah menjadi darah daging orang Minangkabau. Ada adat perbilangan yang menggambarkan kecenderungan orang-orang Minangkabau untuk pergi mengadu nasib ke daerah-daerah yang jauh iaitu;

“Kerantau matang di hulu, berbunga buah belum,
Kerantau bujang dahulu, di kampung berguna belum.”¹⁴

Orang-orang Minangkabau merantau ke merata tempat dan negeri sepanjang masa dan tidak henti-hentinya. Biasanya tenaga muda sahaja yang berani pergi merantau. Mereka inilah yang tidak gentar menghadapi bahaya dan cabaran-cabaran dalam perjalanan yang jauh lagi berat.¹⁵

Golongan perantau mempunyai keberanian menghadapi segala macam kesusahan di tempat atau di daerah yang mereka datangi, harus giat berusaha dan berjimat hingga berjaya mencapai satu peringkat hidup yang memuaskan hati mereka. Mereka yang pergi merantau adalah putera-putera daerah yang terbaik.¹⁶ Hanya sedikit sahaja bilangan mereka yang pulang balik ke kampung. Bilangan yang besar menetap di rantau, oleh itu mereka itu dipanggil “merantau Cina”.¹⁷ Walaupun begitu, golongan perantau itu tidak pernah lupa saudara mara dan kampung halaman.

¹⁴ Mohd Dahlan Mansoer, Minangkabau dan Negeri Sembilan dalam Kertas Kerja Adat Perpatih dan Negeri Sembilan. Tinjauan Kaitan Sejarah dan Kebudayaan. 10-12 April 1974. Seremban: Majlis Belia Negeri Sembilan.

¹⁵ Ibid.

¹⁶ Ibid.

¹⁷ Ibid.

Keadaan ini dapat dilihat melalui nyanyian berhibah-hiba iaitu:

Bila hari sudah senja
Dagang berurai air mata,
awan berarak ditangisi
Den takana jo kampung.¹⁸

Justeru itu dapatlah dianggap bahawa merantau adalah salah satu keistimewaan yang ada dalam masyarakat Minangkabau. Orang-orang muda digalakkan merantau untuk kemajuan diri mereka sendiri. Malah banyak perbilangan yang menyuruh sekaligus mendorong orang-orang Minangkabau pergi merantau. Merantau dianggap sebagai suatu budaya dan tempat yang hendak tujui adalah tidak terbatas sama ada di dalam Sumatera mahupun di luar Sumatera sendiri. Hamka pernah berkata bahawa orang Minang adalah orang perantau.¹⁹

Mereka yang tinggal dikampung dikatakan tidak mendapat jalan keluar. Sebaliknya, pengaruh merantau dalam masyarakat Minangkabau dapat dilihat kepada kenyataan Hamka bahawa hampir separuh anak Minangkabau telah merantau meninggalkan negerinya dan tersebar pula ke seluruh Pulau Sumatera dan menerobos ke Pulau Jawa dan negeri-negeri yang lain.²⁰

¹⁸ Ibid.

¹⁹ Hamka, Adat Minangkabau Menghadapi Revolusi, Penerbit Tekad, Jakarta, 1963, hlm., 2

²⁰ Ibid, hlm., 88.

Sehubungan dengan itu, dapatlah dikatakan bahawa merantau adalah pergi meninggalkan kampung halaman menuju ke tempat yang baru. Justeru itu, merantau adalah salah satu sifat yang cukup istimewa yang ada pada diri orang-orang Minangkabau.

BAB 3

BAB 3

SEBAB-SEBAB ORANG-ORANG MINANGKABAU MERANTAU

3.1 Pendahuluan

Orang-orang Minangkabau sering merantau meninggalkan tanah air mereka. Kepergian mereka ke negara yang baru akan memberikan suasana kehidupan yang baru. Sehubungan dengan itu, Ronald B. Dixon menganggap ada sebab-sebab yang tertentu yang mengakibatkan berlakunya migrasi di kalangan manusia.¹

Justeru itu, dalam bab tiga ini, akan dipaparkan sebab-sebab orang-orang Minangkabau merantau dan meninggalkan kampung halaman untuk pergi ke Malaysia khususnya. Tentunya pemergian mereka meninggalkan kampung halaman di Sumatera Barat mempunyai sebab-sebab yang tertentu yang akan mendekatkan lagi pemahaman mengenai kegiatan merantau orang-orang Minangkabau itu sendiri.

¹ Ronald B. Dixon mengenengahkan sebab-sebab berlakunya migrasi iaitu faktor fizik iaitu bencana alam yang tiba-tiba dan golongan sosio-ekonomi seperti pengusiran secara besar-besaran, kalah perang oleh pendatang yang menyerang dan motivasi-motivasi yang lebih sukarela, seperti keinginan untuk mengeksploitasi kemungkinan ekonomi baru atau menakluk ekonomi baru. Keterangan ini dapat dilihat dalam Primitive Migration dalam *Encyclopaedia of The Social Science*, Vol. 9, ed, 1951, hlm. 420.

3.2 Faktor Kedudukan Sumatera Barat dari Segi Geografi..

Kedudukan Sumatera Barat yang merupakan negeri bagi orang-orang Minangkabau, adalah menghadap ke Lautan Hindi dan membelakangi Selat Melaka. Terdapat pula lima sungai-sungai besar yang hulunya berada di pedalaman Sumatera Barat dan masing-masing mengalir ke selat Melaka. Sungai-sungai tersebut ialah sungai Rokan, Siak, Kampar, Batanghari dan Kuantan. Kegunaan kelima-lima sungai ini ialah untuk mengangkut hasil pertanian, hasil hutan dan juga emas ke pasar dunia di Melaka. Pada waktu itu, orang-orang Minangkabau yang mengangkut hasil-hasil pertanian tersebut ke Melaka atau menjualnya kepada pedagang-pedagang Cina, Arab dan India yang menanti di Kuala Sungai.²

Justeru itu, menurut Mochtar Naim, tidak ada pedagang-pedagang asing yang datang sendiri ke daerah pedalaman Sumatera Barat untuk membeli hasil-hasil bumi terutamanya sebelum jalan-jalan di Sumatera Barat dibuka dan pada akhir abad yang lalu.³ Hanyalah Raffles yang menjadi orang asing yang pertama sampai ke pedalaman Sumatera Barat pada tahun 1818, yang berusaha memasuki pedalaman melalui jalan-jalan hutan yang memintas dari Padang ke danau Semarak.⁴ Malahan, setiap orang yang mengikuti cerita

² Mochtar Naim, Perkembangan Kota-kota di Sumatera Barat, *Prisma*, No. 3, 11 Juni 1973.

³ Mochtar Naim, *Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau*, Gadjah Mada University Press, Yogyakarta, 1984. hlm. 228

⁴ Ibid.

ekspedisi-ekspedisi tentera Belanda di masa perang Padri (1803-1838) di Sumatera Barat dapat membayangkan betapa sukarnya sampai ke pedalaman dari arah pantai barat.⁵

Keadaan Sumatera Barat yang terpencil dan berada di luar daripada kegiatan perdagangan menyebabkan orang-orang Minangkabau pergi merantau. Menurut Mochtar Naim,⁶ Sumatera Barat selama ini berada di luar lingkaran pusat kegiatan perdagangan dan politik. Sumatera Barat berada jauh daripada selat Melaka, sedangkan daripada politik berada jauh dari pemerintahan pusat di pulau Jawa.

Justeru itu, menyebabkan para-pedagang tidak akan datang ke Sumatera Barat, tetapi orang-orang Minangkabau yang terpaksa pergi ke dunia luar. Lantas mereka terpaksa merantau.

Walaupun Sumatera Barat merupakan kawasan yang subur untuk kegiatan pertanian, tetapi banyak kawasan pertanian telah digunakan terutama sekali untuk kegiatan bersawah. Malah, semasa Raffles melakukan ekspedisi ke pedalaman Minangkabau di tahun 1818, dia sudah melihat tahap perkembangan pertanian yang cukup optimal. Menurutny⁷,

“Dari tempat-tempat ketinggian di kota ini (Suruaso), Kata Raffles “pemandangan lepas membentang dari Utara dan Barat sampai ke Gunung Merapi serta bukit-bukit yang berdekatan; seluruh negeri sejauh mata memandang merupakan temasya pertanian yang bersambung-sambung,

⁵ Lihat, H. M. Lange: Het Nederlandsch Oost-Indisch Leger ter Westkust van Sumatra (1819-1845), s'Hertogenbosch, 1852. Mengenai perang Padri, lihat a.l., M. Radjab., Perang Paderi di Sumatera Barat (1803-1838), Perpustakaan Perguruan Kem. p p & K, Jakarta, 1954.

⁶ Mochtar Naim, Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau, hlm. 229.

⁷ Dikutip dari T. Shamsul Bahrin, Indonesian In Malaya, M.A. Thesis, 1964, hlm. 34.

disela-sela oleh kota-kota dan desa yang banyak jumlahnya, diteduhi pohon-pohon kelapa dan buah-buahan. Saya boleh mengatakan bahawa pemandangan ini menyamai pemandangan manapun di Jawa yang pernah saya lihat. Pemandangan bih permai dan agung, penduduknya sama padat, serta sama kaya dengan tanam-tanamannya.”

Justeru itu, walaupun tanah pertanian subur tetapi jumlah penduduk tetap terus berkembang. Keadaan ini menyebabkan jumlah penduduk tidak seimbang dengan kegiatan pertanian makanan. Oleh itu, kegiatan persawahan tidak dapat menampung jumlah penduduk yang semakin banyak.

Sehubungan dengan itu, jalan keluar bagi mengatasi masalah tersebut ialah dengan meninggalkan kampung halaman dan pergi merantau.⁸ Boleh dikatakan bahawa bentuk mukabumi Sumatera Barat yang jauh dari jalan kegiatan perdagangan terpenting dan tanah yang subur sehinggakan tidak ada kawasan lagi untuk kegiatan pertanian menyebabkan berlakunya faktor penolak yang menyebabkan orang-orang Minangkabau berhijrah.

3.3 Faktor Ekonomi.

Faktor ekonomi di Sumatera Barat menyebabkan berlakunya migrasi orang-orang Minangkabau ke Malaysia. Boleh dikatakan perjuangan ekonomi adalah salah satu alasan yang menyebabkan orang-orang Minangkabau pergi merantau. Walaupun Sumatera cukup

⁸ Mochtar Naim, Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau, hlm. 230.

luas, tetapi didapati kurang modal untuk mendirikan perusahaan-perusahaan untuk memberi pekerjaan-pekerjaan kepada penduduknya.⁹

Keadaan tersebut menyebabkan orang-orang Minangkabau merantau untuk memperolehi kehidupan yang baik. Misalnya, menurut Mohd Zubir Minang¹⁰, beliau mengambil keputusan untuk merantau adalah disebabkan oleh inginkan kemajuan dalam diri supaya dapat menikmati hidup yang lebih baik. Beliau menganggap kehidupan di kampung tidak menjamin masa depannya, apatah lagi dapat memperbaiki lagi cara kehidupannya itu. Justeru itulah, beliau mengambil keputusan untuk merantau ke Malaysia supaya taraf hidupnya dapat diperbaiki lagi.

Walaupun beliau telah berjaya membuka kedai jahit di Medan, Sumatera, tetapi perniagaannya tidak dapat berkembang maju. Justeru itu, untuk mencari peluang ekonomi yang lebih baik, mendorongnya untuk merantau ke Malaysia pada tahun 1981. Beliau juga ada menceritakan bahawa sebelum beliau membuka kedai jahit, beliau pernah bekerja sebagai petani dan menjalankan kerja-kerja kampung seperti mengambil upah memanjat pokok kelapa dan menjual telur ayam tetapi tidak dapat membantu mencapai kehidupan yang baik.

Begitu juga dengan peluang-peluang pekerjaan yang tidak banyak di Sumatera, mendorong orang-orang Minangkabau merantau ke Malaysia. Misalnya, menurut Bustanir

⁹ Sartono Kartodirjo, *Sejarah Nasional Indonesia*, Jilid IV, Jakarta, Jabatan Pendidikan & Kebudayaan, 1975, hlm. 109.

¹⁰ Temubual dilakukan pada 16.4 1996.

b. Basir,¹¹ tidak banyak peluang-peluang pekerjaan yang boleh diperolehi di Sumatera. Cita-cita beliau yang ingin menjadi polis tidak kesampaian kerana beliau hanya lulus setakat sekolah Menengah yang mengkhusus dalam bidang elektronik. Sementara untuk meneruskan pelajarannya ke peringkat yang lebih tinggi, beliau tidak berkemampuan. Lantas jalan yang dipilihnya ialah merantau ke Malaysia pada tahun 1983.

Tekanan ekonomi seperti peluang pekerjaan yang tidak banyak di Sumatera dan keadaan ekonomi yang tidak memberangsangkan menyebabkan pilihan merantau ke Malaysia merupakan antara jalan yang terbaik. Misalnya, menurut Mohd Zubir Minang¹², pendapatannya sebagai tukang jahit di kedainya di Kampung Datuk Keramat lebih baik berbanding dengan perniagaannya di Medan, Sumatera.

Begitu juga dengan Abdul Ghafar b. Shafie¹³ yang merasa gembira dan seronok dengan pendapatannya sebagai tukang jahit di kedai milik saudaranya di Kampung Datuk Keramat. Justeru itu pendapatannya yang baik berbanding di Sumatera mendorongnya untuk meneruskan penghidupannya di Malaysia.

Keadaan ekonomi yang tidak begitu baik di Sumatera boleh difahami kerana majoriti penduduk di Sumatera Barat adalah bergantung kuat kepada kegiatan pertanian bersawah. malah di daerah Bukit Tinggi dan Padang sahaja, kira-kira 80% daripada penduduk Minangkabau bergantung hidup mereka kepada tanah.¹⁴

¹¹ Temubual dilakukan pada 17.4.96.

¹² Temubual pada 16.4.96.

¹³ Temubual pada 18.4.96.

¹⁴ T. Shamsul Bahrain, *Indonesian In Malaya*, hlm. 27.

Justeru itu, pengeluaran yang tidak seimbang dengan tenaga yang digunakan untuk mengerjakan sawah telah menimbulkan pengangguran yang tidak ketara pula. Dari kira-kira 7.4 % daripada seluruh tanah yang digunakan untuk pertanian, 6.8% adalah kepunyaan pekebun kecil dan 0.6 % pula dipercayai milik ladang-ladang besar.¹⁵

Hasil-hasil pertanian pula bergantung rapat dengan harga-harga pasaran dunia. Justeru itu ada kalanya naik dan ada kalanya turun. Keadaan ini menyebabkan ada di antara orang-orang Minangkabau pergi merantau kerana keadaan hidup yang tidak memberangsangkan. Misalnya, menurut Mochtar Naim, ketika harga-harga pasar rendah sekali menyebabkan orang-orang Minangkabau pergi merantau sebagai jalan keluar.¹⁶

Justeru itulah, ramai orang-orang Minangkabau yang telah berjaya memperolehi kehidupan yang baik di Malaysia akan cuba untuk terus tinggal tetap di Malaysia dan cuba untuk mendapatkan kerakyatan Malaysia. Keadaan ini adalah disebabkan oleh kehidupan yang lebih baik dan mudah memperolehi peluang-peluang ekonomi yang lebih baik mendorong mereka untuk terus tinggal di Malaysia.

¹⁵ Ibid, hlm. 37.

¹⁶ Mochtar Naim, Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau, hlm. 243

Lantaran kehidupan yang lebih baik di Malaysia berbanding dengan kampung asal di Sumatera Barat mendorong ramai orang Minangkabau ingin terus menetap di Malaysia. Sehubungan dengan itu, kurangnya peluang-peluang pekerjaan yang boleh membawa suasana kehidupan yang lebih baik di masa depan mendorong orang-orang Minangkabau pergi merantau ke Malaysia.

3.4 Faktor Sosial.

Tekanan keluarga juga menyebabkan orang-orang Minangkabau pergi merantau. Suasana perhubungan yang tidak mesra dan menimbulkan konflik antara saudara-mara menyebabkan ramai orang-orang Minangkabau pergi merantau. Suasana yang tidak menyenangkan dan ditambah dengan keadaan ekonomi yang tidak begitu baik di Sumatera Barat menambahkan lagi minat untuk pergi merantau.

Konflik berkenaan harta pusaka yang sering berlaku di kalangan masyarakat Minangkabau menyebabkan ramai orang-orang Minangkabau mengeambil keputusan untuk pergi merantau. Menurut Mochtar Naim, sengketa mengenai tanah kaum di Minangkabau telah menjadi permasalahan sosial yang kegawatannya dapat dilihat dari jumlah aduan yang sampai ke pengadilan di Sumatera Barat.¹⁷

¹⁷ Mochtar Naim, Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau, hlm. 275.

Menurut hasil penelitian yang dilakukan oleh Fakultas Universitas Andalas, Padang, kebanyakan kes-kes sengketa pendeta yang di bawa ke pengadilan umumnya bertema sama, iaitu perkara waris dan sengketa tanah. Hasil laporan tersebut mengatakan bahawa:

...Bahkan banyak perkara-perkara pidana seperti pembunuhan, penganiayaan, percubaan membunuh dan sebagainya, yang sampai ke tangan berwajib ataupun yang dimaikan oleh ninik mamak di kampung-kampung, disebabkan oleh waris dan tanah. Malah soal-soal waris ini menjalar menjadi soal-soal politik menurut ukuran kampung yang turut menggoncangkan serta mengganggu keamanan di desa-desa.¹⁸

Merantau disebabkan oleh perselisihan faham di antara saudara-mara adalah kerana perasaan tidak puas hati di atas pembahagian harta cairan yang tidak sama rata. Keadaan ini boleh difahami kerana di Minangkabau, semua harta pusaka, termasuk rumah dan tanah diperuntukkan bagi yang perempuan, sedangkan laki-laki hanya mengawasi.¹⁹

Konflik dalam keluarga ini menyebabkan Mohd Zubir Minang keluar dari kampungnya dan pergi merantau.²⁰ Menurutny lagi, keresahan untuk tinggal di kampung halamannya adalah disebabkan oleh perselisihan faham dengan ibu tirinya. Suasana yang harmoni tidak wujud dalam keluarganya apatah lagi dengan perebutan mengenai harta

¹⁸ Lihat Hemen Sihombing, "Pembinaan Hukum Waris dan Hukum Tanah di Minangkabau dalam Mochtar Naim, (ed), *Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau*, hlm. 66.

¹⁹ Mochtar Naim, *Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau*, hlm. 276.

²⁰ Temubual pada 16.4.96.

pusaka yang tidak kesudahan. Kerungsingan yang berlaku dalam dirinya itu menyebabkan dorongan untuk merantau begitu kuat dalam jiwanya.

Situasi yang dialami oleh Mohd Zubir Minang adalah merupakan dilemma yang umumnya dihadapi oleh laki-laki Minangkabau. Menurut Mochtar Naim, seseorang lelaki itu dihormati tetapi tanpa hak dan kekuasaan.²¹ Justeru itu, di rumah ibunya dia didudukkan sebagai mamak, sebagai pengawal dari keluarga, tapi tanpa hak untuk menikmati hasil dari sawah ladang yang dibawa ke rumah isterinya. Tambahan pula di rumah ibunya dia tidak diberi bilik tidurnya sendiri untuk keperluan peribadi kerana bilik-bilik diperuntukkan hanya kepada saudara-saudaranya yang perempuan untuk menerima suami-suami mereka. Sekiranya beliau ingin bermalam, maka biasanya dia tidur di ruang tengah rumah. Justeru itu, laki-laki Minangkabau lebih suka tidur di surau²².

Kedudukan yang serba terumbang-ambing ini menyebabkan laki-laki Minangkabau selalu merasa gelisah. Manakala masyarakat memandang rendah terhadap orang laki-laki Minangkabau jika hanya menghabiskan waktu di rumah isterinya, ataupun di rumah ibunya. Justeru itu, dorongan untuk mencari kerja kerana rasa tanggungjawab terhadap anak dan kemenakan, yang secara sosiologis mahupun praktis telah turut menjawab terhadap dorongan merantau.²³

²¹ Mochtar Naim, *Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau*, hlm. 276.

²² Lihat Muhamad Radjab, *Semasa Kecil di Kampung*, Balai Pustaka, Jakarta, 1974.

²³ Mochtar Naim, *Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau*, hlm. 277.

Situasi sewaktu membesar di dalam masyarakat Minangkabau juga mendorong orang laki-laki Minangkabau pergi merantau. Misalnya, keadaan kehidupannya semasa kecil lagi biasanya berumur antara 6-7 tahun secara tidak disedarinya, dia telah mulai melepaskan diri dari bergantung kepada kehidupan di rumah. Sampai dia khatam Al-Quran, kemungkinan dia tetap tinggal di rumah. Namun, dia telah mulai diajar supaya tidur di ruang tengah bersendirian atau bersama-sama dengan yang lainnya.²⁴

Sementara itu pergaulannya di surau menyebabkan orang laki-laki Minangkabau yang masih berumur 6 hingga 7 tahun itu, mulai belajar tidur di surau dan lama-kelamaan menjadi kebiasaan.²⁵ Justeru itu, setelah meningkat remaja, timbul rasa malu untuk tidur di rumah. Ejekan dari kawan-kawan sepermainan, mahupun dari anggota keluarga jika dia tetap tidur di rumah telah menjadi suatu kebiasaan yang terjadi dalam masyarakat Minangkabau.

Proses melepaskan diri dari rumah itu pada masa awal remaja ini dan juga perasaan bahawa dia tidak diperlukan di rumah, boleh diterjemahkan sebagai langkah awal merantau. Sementara dalam berbagai kesempatan seperti semasa makan bersama, berseloroh dalam keluarga, dan sebagainya, yang tua-tua akan memberi petunjuk dan ajaran kepadanya bagaimana untuk bersikap, berbuat dan mempersiapkan hari depannya. Justeru itu, seorang laki-laki Minangkabau itu akan mendengarkan cerita-cerita petualangan dari mamak-mamaknya di rantau, tentang ragam kehidupan dari orang-orang yang ditemui

²⁴ Ibid.

²⁵ Lihat juga N. St Iskandar, Pengalaman Masa Ketjil, Balai Pustaka, Djakarta 1966; Hamka, Kenang-Kenangan Hidup, 4 Jilid, Djakarta, Gapuira, 1952/53.

di rantau dan sebagainya²⁶. Kedengaran padanya supaya selalu belajar hidup, belajar berdagang, mencari ilmu, mencari pengalaman, dan pergi merantau melihat negeri orang. Manakala bagi orang-orang lelaki yang tidak pergi merantau akan dikatakan seorang yang bodoh.²⁷

Mengisi adat juga adalah antara sebab yang mendorong orang laki-laki Minangkabau merantau. Menurut Mohd Nor b. Jelahab,²⁸ beliau merantau adalah kerana dorongan adat yang menggalakan orang laki-laki pergi merantau. Merantau adalah dianggap mengisi kewajipan itu sendiri. Keadaan ini juga disentuh oleh Taufik Abdullah, yang menyebut bahawa meninggalkan kampung adalah melaksanakan Undang Yang Sembilan, yakni merasa dan mengakui kebesaran alam.²⁹

Justeru itu, sesiapa yang pergi merantau adalah suatu kewajipan adat yang mesti dipenuhi. Hanya dengan memiliki pengalaman yang luas di rantau orang akan dapat menjadi besar dan bijaksana.³⁰ Keadaan untuk mengisi adatlah yang menyebabkan ibu kepada Sukardi b. Sukan³¹ menggalakannya pergi merantau dengan meninggalkan kampung halamannya. Malah, ibunya sendiri sanggup menampung perbelanjaan pemergian Sukardi b. Sukan untuk pergi merantau.

²⁶ Mochtar Naim, Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau, hlm. 277.

²⁷ Temubual dengan Mohd Lubis Minang pada 16.4.1996.

²⁸ Temubual pada 17.4.96.

²⁹ Taufik Abdullah, Minangkabau 1900-1927, "Preliminary Studies in Social Development, M.A Thesis, Cornell University, 1969.

³⁰ Mochtar Naim, Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau, hlm, 284.

³¹ Temubual pada .4.96.

Situasi tersebut menyebabkan betapa pentingnya merantau di dalam kehidupan orang-orang Minangkabau. merantau seolah-olah adalah cara hidup yang sebenarnya diamalkan oleh kaum laki-laki keturunan Minangkabau. Untuk memperlihatkan kedewasaan, orang laki-laki harus meninggalkan kampung dan belajar hidup di kaki sendiri.³²

Justeru itu, konflik dalam keluarga, suasana kehidupan dalam masyarakat Minangkabau sendiri dan adanya adat yang sudah berakar dalam masyarakat Minangkabau sendiri menjadi salah satu dorongan untuk orang laki-laki Minangkabau pergi merantau. Sehubungan dengan itu, merantau seolah-olah telah menjadi satu budaya bagi orang-orang Minangkabau.

3.5 Faktor Politik.

Suasana politik yang tidak stabil juga mendorong orang-orang Minangkabau meninggalkan Sumatera dan merantau ke Malaysia. Pada tahun 1847, setelah Belanda dapat menguasai wilayah Sumatera Barat, rasa tidak puas hati terhadap cara pentadbiran yang diamalkan oleh Belanda telah wujud dalam masyarakat Minangkabau. Malah, rasa

³² Mochtar Naim, Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau, hlm. 278.

tidak senang terhadap pemerintahan terutamanya penghulu telah meningkat dan kadang kala muncul dalam bentuk pemberontakan.³³

Tambahan pula dengan Sistem Tanaman Paksa telah diperkenalkan di Sumatera Barat.³⁴ Pihak Belanda memaksa masyarakat Minangkabau menanam tanaman kopi melalui Sistem Tanaman Paksa. Bagi meningkatkan kegiatan pertanian kopi, kerajaan Belanda telah mengadakan larangan eksport beras. Seterusnya pemerintahan Belanda telah menganggap bahawa dengan mengadakan larangan eksport beras, iaitu bila harga beras ditekan menjadi rendah, rakyat di daerah penanaman kopi akan merasa tenteram bekerja di kebun-kebun mereka. Namun begitu, banyak sawah rakyat di daerah penanaman padi terbiar kerana mengusahakan tanaman kopi milik Belanda seperti daerah Talu dan daerah-daerah Lubuk Sikaping di Pasaman yang menyebabkan ramai dari mereka yang terpaksa melarikan diri.³⁵

Justeru itu, ramai orang-orang Minangkabau yang menderita dari daerah-daerah dari Lubuk Sikaping, Bonjol, Talu, Meninjau, Bakinang, Alahan Panjang, Suliki dan Kerinci lantaran bebanan kerja yang cukup berat. Keadaan ini menyebabkan ramai daripada mereka yang berasal dari daerah tersebut pergi ke Malaya dan Sumatera Timur.³⁶

Penindasan kolonial oleh pihak Belanda menyebabkan ramai orang-orang Minangkabau merantau ke Malaya. Keadaan ini dapat dilihat melalui penghantaran

³³ Lihat, B. Schrieke, "The Causes and Effects of Communism on the West Coast of Sumatra." dalam *Indonesian Sociological Studies*, Bhg. I, W. van Hoeve, The Hague, 1955; terutama Bab 1.

³⁴ Mochtar Naim, *Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau*, hlm. 80.

³⁵ Mochtar Naim, *ibid*, hlm. 81.

³⁶ Schrieke, "The Causes and Effects of Communism on The West Coast of Sumatra", dalam *Indonesia Sociological Studies*, Bahagian 1, W. van Hoeve, The Hague, 1955.

memorandum oleh Pegawai Daerah Ulu Langat kepada Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Selangor yang menerangkan sebab-sebab sebahagian besar penduduk di Bagan Si Api-Api, Selangor berhijrah ke Selangor.³⁷ Penyata tersebut ada mengatakan tentang ketidakadilan kerajaan kolonial Belanda memerintah Indonesia yang telah menjalankan paksaan kepada penduduk Sumatera supaya membayar cukai yang tinggi sedangkan kehidupan rakyat petani sangatlah menderita.³⁸ Pelbagai jenis pajak yang dikenakan kepada rakyat seperti pajak jambatan, pajak jalan, pajak pintu dan sebagainya yang mana telah mendatangkan beban kepada rakyat.³⁹ Keadaan ini dijelaskan oleh Sartono yang mengatakan bahawa:

“Penghasilan kerajaan terutama didapati daripada penarikan pajak atau gadai. Penarikan pajak dilakukan oleh pejabat-pejabat kerajaan Urusan Pajak. Pajak dikenakan ke atas penduduk peribumi dan rakyat asing.”⁴⁰

Justeru itu, penindasan yang dilakukan oleh pihak kerajaan Belanda ke atas rakyat di Sumatera juga menyebabkan orang-orang di Sumatera berhijrah ke Malaya. Boleh di katakan bahawa ketidakadilan dalam Sistem Tanaman Paksa yang dijalankan oleh pihak Belanda telah menyebabkan penduduk Sumatera terutamanya orang-orang Minangkabau pergi berhijrah ke Malaya.

³⁷ SSF, T/SUK/1 1945-1946, hlm. 14.

³⁸ Ibid, hlm. 15.

³⁹ Ibid.

⁴⁰ Sartono Kartodirjo, *Sejarah Nasional Indonesia*, hlm. 159.

Peranan Parti Komunis juga mendorong orang-orang Minangkabau meninggalkan kampung halaman mereka. Parti Komunis telah diperkenalkan di Sumatera Barat pada tahun 1923 untuk memberontak melawan pemerintahan Belanda.⁴¹

Menurut laporan pemerintah,⁴² gerakan itu sedikit sekali menerima dokongan dari petani dan pedagang yang lebih memperhatikan tanaman dan dagang mereka sendiri. Gerakan itu berjaya dalam organisasi buruh keretapi dan di antara petani di beberapa tempat seperti di Sikangkang, Muaro Kalaban dan Sawah Lunto.⁴³ Laporan tersebut tidak menyebut berapa orang yang ditahan sebelum dan selepas pemberontakan yang terjadi di ketiga tempat tersebut pada 1 Jun 1927.⁴⁴ Namun mereka yang dibuang ke Digul beratus banyaknya dan lebih banyak lagi yang melarikan diri ke luar Sumatera Barat.⁴⁵

Apabila Perang Dunia ke dua meletus dan perjuangan untuk menuntut kemerdekaan yang berjalan pada akhir tahun 40an dan permulaan tahun-tahun tercetusnya revolusi di Indonesia, terdapat gerakan merantau ke arah timur iaitu ke Riau, Jambi dan terus ke Singapura dan Malaya.⁴⁶ Adalah sangat mudah untuk memasuki Malaya dan Singapura pada ketika itu. Justeru itu, ramai di antara mereka yang bermukim di situ.⁴⁷

⁴¹ Mochtar Naim, Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau, hlm. 105.

⁴² Schreike, The Causes and Effects of Communism on The West Coast of Sumatera, hlm. 108.

⁴³ Mochtar Naim, Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau, hlm. 86.

⁴⁴ Ibid.

⁴⁵ Ibid.

⁴⁶ Ibid.

⁴⁷ Ibid.

Begitu juga dengan pemberontakan oleh Pemerintahan Revolusiuner Republik Indonesia atau PPRI di tahun-tahun 1958 hingga 1960 telah memberi kesan yang cukup kuat ke atas merantau. Pemberontakan PPRI itu telah menyebabkan keadaan di Sumatera Barat tidak aman sehingga mengakibatkan arus merantau yang cukup besar dalam sejarah merantau orang-orang Minangkabau.⁴⁸

Walaupun angka-angka yang pasti tidak dapat dinyatakan, tafsiran kasar meliputi jumlah perantau adalah meliputi puluhan ribu orang.⁴⁹ Kekalahan PPRI kepada pemerintahan pusat di Jakarta telah menyebabkan ramai golongan orang-orang Minangkabau telah pergi merantau.

Menurut Mochtar Naim,⁵⁰ kembalinya semula pemerintahan pusat dari Jakarta ke atas Sumatera Barat menyebabkan orang-orang Minangkabau sebagai pukulan yang keras terhadap harga diri dan rasa bangga mereka. belum pernah dalam sejarah mereka, orang-orang Minangkabau merasa terpukul seolah-olah dengan kembalinya dacrak mereka ke tangan pemerintahan pusat di Jakarta, mereka kembali dijajah oleh kekuasaan kolonial.⁵¹

Perasaan terhina kerana dikalahkan menyebabkan orang-orang Minangkabau pergi merantau. Berbeza dari pemberontakan Komunis, di tahun dua puluhan yang dilakukan

⁴⁸ Ibid, hlm. 264.

⁴⁹ Ibid.

⁵⁰ Ibid.

⁵¹ Lihat B. Dahm, *The History of Indonesia in The Twentieth Century*, Pall Mall Press, London, 1971, Bab VII, juga Daniel Leu dan H. Feith, 'The End of The Indonesia Rebellion', *Pacific Affair*, 36, No. 1, Spring 1963.

oleh hanya sekelompok penduduk sahaja, pemberontakan PPRI melibatkan seluruh penduduk Sumatera Barat dan segenap lapisan.⁵²

Walaupun sudah bertahun-tahun tetapi perasaan terhina tetap ada. Justeru itu, pergi merantau adalah satu-satunya penyelesaian untuk menghindarkan gangguan fisik, tetapi lebih penting lagi gangguan mental.⁵³

Keadaan yang tidak aman, jiwa dan harta dalam bahaya dan tidak mempunyai cukup kekuatan menangkis serangan dan serbuan dari kerajaan pusat terutama kekuatan ketenteraan menyebabkan berlakunya arus merantau yang cukup besar di kalangan orang-orang Minangkabau pada waktu perang.

Justeru itulah, orang-orang Minangkabau sanggup meninggalkan kampung halaman dan pergi merantau ke tempat mahupun kawasan yang lebih aman kerana keadaan politik yang tidak stabil di Sumatera Barat.

3.6 Tarikan Hidup di Tanah Melayu.

Negeri-negeri di pantai barat Tanah Melayu telah mencapai pertumbuhan ekonomi yang baik pada abad ke 20⁵⁴. Bermula dengan perkembangan yang pesat dalam bidang

⁵² Mochtar Naim, Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau, hlm. 86.

⁵³ Ibid.

⁵⁴ Akhbar Majlis, 2 Mac 1944. hlm. 6.

perusahaan bijih timah dan getah serta sistem jalan raya dan pertumbuhan bandar yang telah berjalan dengan lancar. Orang-orang Minangkabau melihat keadaan ini sebagai suatu petanda yang baik untuk mereka memulakan penghidupan yang baru di Tanah Melayu terutama di dalam menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan⁵⁵

Justeru itu, ramai orang-orang Minangkabau yang berhijrah ke Tanah Melayu kerana daya tarikan kehidupan yang lebih baik di pantai-pantai barat Tanah Melayu.

Berdasarkan kepada banci pada tahun 1930, imigran Minangkabau seperti juga dengan imigran lain di Sumatera adalah diklasifikasikan sebagai golongan orang Melayu. Cuma selepas tahun 1931 sahaja barulah mereka dikategorikan sebagai orang Melayu berketurunan Indonesia. Keadaan ini adalah bagi membolehkan kerajaan kolonial British menentukan jumlah yang tepat bagi penduduk bumiputera berbanding dengan lain-lain bangsa pendatang di Tanah Melayu.⁵⁶

Tambahan pula kerajaan British tidak menyekat kemasukan imigran dari Indonesia terutamanya dari Sumatera sehinggalah menjelang Peperangan Dunia yang ke dua.⁵⁷

Kemasukan imigran Indonesia ke Tanah Melayu dikatakan membawa sumbangan yang besar kepada perkembangan ekonomi Tanah Melayu. Melalui kehadiran mereka, bilangan penduduk bumiputera akan bertambah dan boleh menyediakan tenaga buruh untuk membangunkan Tanah Melayu.

⁵⁵ Mochtar Naim, *Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau*, hlm. 14.

⁵⁶ Tunku Shamsul Bahrin, *Indonesian In Malaya*, hlm. 89.

⁵⁷ Ibid, hlm. 177.

Menurut A.B. Ramsey, kehadiran imigran Indonesia itu nantinya akan dapat memberi sumbangan kepada ekonomi Tanah Melayu iaitu menambahkan jumlah penduduk bumiputera dan untuk menyediakan tenaga buruh.⁵⁸ Justeru itu, pentadbiran Inggeris yang lebih liberal dibandingkan dengan pemerintahan Belanda di Indonesia telah menarik minat ramai imigran Minangkabau untuk datang berhijrah ke Tanah Melayu.⁵⁹

Begitu juga dengan cerita-cerita yang menarik berkenaan dengan Tanah Melayu telah mendorong orang-orang Minangkabau merantau ke Malaysia. Menurut Tunku Shamsul Bahrain,⁶⁰ perantau yang baru pulang dari Tanah Melayu ada yang bercerita besar tentang kejayaan mereka di Tanah Melayu. Seolah-olah satu gambaran bahawa segala yang terdapat di Tanah Melayu adalah baik-baik belaka. Justeru itu, tidaklah hairan jika ada di kalangan ibu bapa Minangkabau itu begitu bercita-cita tinggi dan berharap pada suatu hari kelak anak lelaki mereka akan berpeluang datang ke Tanah Melayu dan menikmati kesenangan seperti orang-orang baru pulang itu.⁶¹

Fenomena mengenai suasana kehidupan yang menarik ini juga telah mendorong beberapa orang Minangkabau⁶² untuk datang Malaysia. Boleh dikatakan bahawa mereka mendapat maklumat daripada kawan-kawan mengenai kehidupan di Kuala Lumpur yang

⁵⁸ A. B. Ramsey, "The Indonesia in Malay," dalam JMBRAS, Volium XXIX, Part 1, May 1954, hlm. 123.

⁵⁹ R. O. Winstedt, "An Old Minangkabau Legal Digest From Perak" dalam JMBRAS, volium VII, May 1955, hlm. 37.

⁶⁰ Tunku Shamsul Bahrain, Indonesian In Malaya, hlm. 89.

⁶¹ Ibid.

⁶² Temubual dengan Sukardi b. Sukan pada 16.4. 96, Bustanir b. Basir pada 6.4. 96, Khuzaimah bt. Khatib pada 6. 4. 96 dan Mohd Zubir Minang pada 12. 4. 96.

cukup menarik dan senang. Keadaan ini mendorong mereka untuk pergi merantau ke Kuala Lumpur.

Justeru itu, boleh dikatakan bahawa corak kehidupan yang menarik di Tanah Melayu (Malaysia) dan kemudiannya Kuala Lumpur telah menarik ramai imigran Minangkabau datang untuk mencuba nasib. Daya tarik kota Kuala Lumpur dan Malaysia telah menyebabkan orang-orang Minangkabau terus-menerus datang untuk menikmati suasana kehidupan yang baru.

3.7 Kesimpulan

Dapatlah disimpulkan bahawa faktor-faktor seperti kedudukan geografi Sumatera Barat, ekonomi, sosial, politik dan keadaan hidup di Tanah Melayu yang menarik telah mendorong orang-orang Minangkabau berhijrah ke Malaysia. Tambahan pula dengan faktor yang saling kait-mengait antara satu sama lain menyebabkan dorongan untuk merantau cukup kuat di kalangan masyarakat Minangkabau. Suasana dalam negeri Sumatera Barat yang bergunung-ganang dan jauh dari pusat perdagangan di Selat Melaka dan suasana masyarakat Minangkabau yang menghormati para-perantau serta ditambah dengan faktor ekonomi yang tidak memberangsangkan di Sumatera Barat mengakibatkan dorongan merantau sudah tertanam dalam diri orang-orang Minangkabau. Justeru itu, kegiatan merantau sudah menjadi suatu kebanggaan kepada masyarakat Minangkabau dan faktor-faktor yang diuraikan sebelum ini menjadi penolak kepada mereka untuk merantau.

RUJUKAN

BUKU

- Abdul Rahman Haji Ibrahim. 1964. Dasar-Dasar Adat Perpatih. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Abdul Samad Idris. 1970. Hubungan Minangkabau Dari Segi Sejarah dan Kebudayaan. Seremban: Pustaka Asas.
- Abdullah Taufik. 1966. Adat dan Islam An Examination of Conflic in Minangkabau. New York: Cornell University Press.
- Ahmad Batuah. 1956. Tambo Minangkabau dan Adatnya. Jakarta: Balai Pustaka.
- Bachthiar Mansoer. 1958. Minangkabau Dahulu dan Sekarang. Jakarta: Balai Pustaka.
- Cortesao, A. (ed). 1971. The Suma Oriental of Tom Pires. Jilid 2. London: The Hakluyt Society.
- Dahm. B. 1971. The History of Indonesia in The Twentieth Century. Pall Mall Press.
- Dixon B. R. 1951. Primitive Migration dalam Encyclopedia of The Social Science. Vol IX ed.
- De Josselin de Jong. 1960. Minangkabau and Negeri Sembilan Socio Political Structure In Indonesia. Jakarta: Bharatara.
- _____. 1971. The Dynastic Myth of Negeri Sembilan. belum diterbitkan.
- Encyclopedia Indonesia Sari Geografi. 1990. Minangkabau Dahulu dan Sekarang. Jakarta: P.I Ichtiar Baru Van Hoevei.
- Encyclopedia of The Social Science. 1951. vol IX. ed., s.v. "Migration" and "Mobility.
- Hamka. 1963. Adat Minangkabau Menghadapi Revolusi. Jakarta: Tekad.
- _____. 1952/53. Kenang-Kenangan Hidup. Jakarta: Galzuira.
- Harrison T. 1970. The Malay of The South West Serewak Before Malaysia Socoi-Ecological Survey. Mc Millan.
- Lange H.M. 1852. Het Nederlandsch Oost. Indisch Leger ter Westkust van Sumatra (1819-1845). s'Hertogenbosch.
- Leu D. and Feith H. 1963. The End of The Indonesia Rebellion. Pacific Affair. No. 1. Spring.

Leur Van J. C. 1955. Indonesian In Trade and Society. The Hague: W. Van Hoevei.

Loeb M.E. 1972. Sumateras Its History & People. Kuala Lumpur/Singapore: Oxford University Press.

Maraden. 1962. The History of Sumatera. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Mochtar Naim. 1984. Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.

Mohd Dahlan Mansoer. ed al . 1970. Sedjarah Minangkabau. Jakarta: Penerbitan Bhrata.

Muhammad Radjab. 1954. Perang Padri Di Sumatera Barat (1803-1838). Jakarta: Perpustakaan Kementerian Kem P.P.

_____. 1974. Semasa Ketcil Di Kampung. Jakarta: Balai Pustaka.

Nalters. O.W.1970. The Fall of Srivijaya In Malay History. Ithaca: Cornell University Press.

Najeeb Saleeby. 1908. The History of Sulu. Manila: Bureau of Printing.

N. St. Iskandar.1966. Pengalaman Masa Ketcil. Djakarta: Balai Pustaka.

Pires Tom. 1944. Suma Oriental, tr. and ed. by Armando Cortesao. London:Hakklyut Society.

Purwadarminta. 1966. Kamus Umum Bahasa Indonesia. Djakarta: Balai Pustaka.

Sartono Kartodijo. 1975. Sejarah Nasional Indonesia. Jakarta: Jabatan Pendidikan & Kebudayaan.

Schrieke B. 1955. The Causes and Effects of Comunism On The West Coast of Sumatra. Dlm Sociological Studies. The Hague: W. Van Hoeve.

Sihorbing, H. 1958. Pembinaan Hukum Waris dan Hukum Tanah Di Minangkabau. Dlm Mochtar Naim (ed), Menggali Hukum Tanah dan Hukum Waris Minangkabau. Padang: CMS.

Teuku Iskandar. 1970. Kamus Dewan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tate DJM. 1971. The Making of Modern South East Asia. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Winstedt R.O. 1960. Kamus Bahasa Melayu, Singapore.

Wilkinson. 1971. Papers On Malay Subjects. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Tesis

Abdullah Taufik. 1969. Minangkabau 1900-1927. Preliminary Studies In Social Development. M. A. Thesis. University of Cornell

Tunku Shamsul Bahrin. 1964. The Indonesia In Malaya. M.A. Thesis. University of Shellfield.

Laporan

Del Tufo. 1949. A Report On The 1947. Census of Population. London. The Government Printer.

Journal

A.B. Ramsey. 1954. The Indonesia in Malaya. Dlm JMBRASS, Volium XXIX, Part 1

Khoo Kay Kim. 1972. Sejarah Tempatan. Penjelidik. Jil 11. Bil 1.

Mochtar Naim. Jun 1973. Perkembangan Kota-kota di Sumatera Barat. Prisma II. No. 3.

Winstedt R. O. May 1955. An Old Minangkabau Legal Digest From Perak. Dlm JMBRASS. Volium VIII.

Kertas Kerja

Mohd Dahlan Mansoer. 1974. Minangkabau dan Negeri Sembilan. Tujuan Kajian Sejarah dan Kebudayaan. Dlm Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih. Seremban: Majlis Belia dan Sukan Negeri Sembilan.

Akhbar.

Majlis 2 Mac 1944

Bahan Tdak Terbit.

Selangor State Secretariat Files 1945-1946.

Glosari

anak buah	:	anak saudara
Federal *	:	Pusat
Kabupaten	:	Istana
Koto	:	Kota
Nagari	:	Negeri
Matrilineal	:	garis keturunan sebelah ibu
Patrilineal	:	dari ayah ke anak
Samende	:	satu ibu

Senarai Responden

Nama : Azwir b. Saini.
Umur : 41 tahun.
Asal : Pariaman, Sumatera Barat.
Pekerjaan : Membuka perniagaan kedai makan.
Status : Berkahwin.
Alamat : 17 A, Tingkat 2,
Pusat Bandar, Taman Keramat,
Ampang, Selangor.
Tarikh temubual : 17. 4 .1996.

Nama : Abdul Ghaffar b. Shafie.
Umur : 64 tahun.
Asal : Bukit Tinggi, Sumatera Barat.
Pekerjaan : Tukang Jahit.
Status : Berkahwin.
Alamat : 46, Lorong Keramat Dalam 7,
Pasar Datuk Keramat,
54000 Kuala Lumpur.
Tarikh temubual : 15.4.1996

Nama : Andi Kurniawan b. Shamsul
Umur : 25 tahun.
Asal : Medan, Sumatera.
Pekerjaan : Pembantu kedai.
Status : Bujang.
Alamat : 208, Malay Mension,
Jalan Masjid India,
Kuala Lumpur.

Tarikh temubual : 14.4.1996.

Nama : Bustanil b. Basir.
Asal : Pariaman, Sumatera Barat.
Umur : 33 tahun.
Pekerjaan : Tukang kasut.
Status : Berkahwin.
Alamat : Lorong kiri 19,
No. 468, Kampung Datuk Keramat,
54000 Kuala Lumpur.

Tarikh temubual : 17.4.1996.

Nama : Hassan Basri b. Deraman.
Asal : Pariaman, Sumatera Barat.
Umur : 48 tahun.
Pekerjaan : Tukang kasut.
Status : Berkahwin.
Alamat : Jalan 20A, No. 20,
Selayang Baru,
Selangor.

Tarikh temubual : 17.4.1996.

Nama : Nurdin b. Borhan.
Asal : Pariaman, Sumatera Barat.
Umur : 40 tahun.
Pekerjaan : Membuka perniagaan kedai jahit.
Status : Berkahwin.
Alamat : Lot 55422, Kampung Padang Balang,
Sentul, Selangor.

Tarikh temubual : 13.4.1996.

Nama : Khuzaimah bt. Khatib.
Asal : Pariaman, Sumatera Barat.
Umur : 41 tahun.
Pekerjaan : Tukang masak.
Status : Berkahwin.
Alamat : 17 A, Pusat Bandar,
Taman Keramat, Ampang,
Selangor.

Tarikh temubual : 17.4.1996.

Nama : Mardjohan b. Mohd Shariff.
Asal : Bukit Tinggi, Sumatera Barat.
Umur : 67 tahun.
Pekerjaan : Membuka perniagaan kedai jahit.
Status : Duda.
Alamat : M.D.Djohan Tailoring,
No. 633, Lorong Keramat 6,
Pasar Datuk Keramat,
54000 Kuala Lumpur.

Tarikh temubual : 14.4.1996.

Nama : Mohd Anuar b. Haji Shulan.
Asal : Padang, Sumatera.
Umur : 30 tahun.
Pekerjaan : Membuka perniagaan pertukangan emas.
Status : Berkahwin.
Alamat : No.645, Lorong Keramat 6,
Pasar Datuk Keramat,
54000 Kuala Lumpur.

Tarikh temubual : 17.4.1996.

Nama : Mohd Nor b. Jelahab.
Asal : Bukit Tinggi, Sumatera Barat.
Umur : 66 tahun.
Pekerjaan : Membuka perniagaan kedai jahit dan songkok.
Status* : Berkahwin.
Alamat : No.16, Lorong Raja Bot,
Kampung Baru,
50300 Kuala Lumpur.
Tarikh temubual : 13.4.1996.

Nama : Mohd Zubir Minang.
Asal : Pariaman, Sumatera Barat.
Umur : 58 tahun.
Pekerjaan : Membuka perniagaan kedai jahit.
Status : Berkahwin.
Alamat : 245, Lorong Keramat Dalam 7,
Datuk Keramat,
54000 Kuala Lumpur.
Tarikh temubual : 17.4, 1996

Nama : Sukadi b. Sukan.
Asal : Pariaman, Sumatera Barat
Umur : 30 tahun.
Pekerjaan : Tukang jahit.
Status : Berkahwin.
Alamat : Tanjung Tailoring,
16, Pusat Bandar,
Taman Keramat, Ampang,
Selangor.
Tarikh temubual : 17. 4. 1996.

Nama : John Ariff b. Hussein.
Asal : Bukit Tinggi, Sumatera Barat.
Umur : 24 tahun.
Pekerjaan : Pembantu kedai.
Status : Bujang.
Alamat : 209K2, Jalan Hamzah,
Kampung Baru,
50300 Kuala Lumpur.

Tarikh temubual : 14.4.1996.

Nama : Zulkhairi b. Mohd Zubir.
Asal : Padang, Sumatera.
Umur : 25 tahun.
Pekerjaan : Membantu perniagaan ayah dan sebagai tukang jahit.
Status : Bujang.
Alamat : 245, Lorong Keramat Dalam 7,
Datuk Keramat, 54000 Kuala Lumpur.

Tarikh temubual : 17.4.1996.

Nama : Mazwar b. Abu Haq.
Asal : Pariaman, Sumatera Barat.
Umur : 25 tahun.
Pekerjaan : Pembantu kedai.
Status : Bujang.
Alamat : No. 33, Aked Chow Kit,
Kuala Lumpur.

Tarikh temubual : 16.4.1996.